

10/5/9

# jumlah kematian akibat denggi makin meningkat

*Berita Harian*  
**K**UALA LUMPUR: Bilangan kematian akibat demam denggi di negara ini semakin meningkat serta membimbangkan, dan sehingga Ahad lalu 81 kes dicatatkan berbanding 62 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata walaupun jumlah kes menurun, masalah peningkatan jumlah kematian akibat demam denggi amat serius dan memerlukan perhatian daripada rakyat supaya mengambil langkah pencegahan.

Beliau berkata, sehingga awal Julai lalu, 24,240 kes denggi dicatatkan dengan 81 kematian berbanding 25,234 kes dengan 62 kematian dalam tempoh yang sama pada tahun lalu.

"Tambahan 20 kematian dalam tempoh masa pendek ini sangat membimbangkan. Saya menyeru kepada orang ramai jika ada tanda demam panas, dapatkan rawatan awal supaya pemerhatian yang betul boleh dilakukan," katanya selepas melancarkan Coffee Table Book di sini, semalam.

Beliau berkata, kementerian sudah mengarahkan semua hospital dan doktor di seluruh negara untuk memberi keutamaan kepada pesakit demam denggi berikutan peningkatan kematian yang mendadak disebabkan wabak itu.

Katanya, Kementerian Kesihatan akan melancarkan kempen menghapuskan Aedes secara besar-besaran.

Ditanya pemberita mengenai dakwaan kematian atlit bola tampar Sukan Malaysia (SUKMA) Terengganu, Mohd Fadli Muhammad, 19, di Hospital Sultanah Nur Zahirah dua hari lalu, adalah kerana premis yang diduduki atlit berkenaan tidak bersih ketika temasya itu berlangsung, Liow memberi jaminan kementeriannya akan menyiasat dakwaan berkenaan.

Sementara itu, jumlah kes positif Influenza A (H1N1) sepanjang minggu lalu sehingga 3 Julai mencatatkan penurunan 30 peratus kepada 42 kes berbanding 60 kes pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican, berkata jumlah itu menjadikan kes terkumpul 15,254 kes.

“Bagi tempoh 27 Jun hingga 3 Julai sebanyak lima kes kluster penyakit serupa influenza (ILI) dilaporkan berlaku di lima negeri iaitu Kedah, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Pahang, melibatkan 821 pesakit,” katanya dalam satu ke-